

10/12/2000

Mogok 700 pemandu teksi KLIA selesai (HL)

Zainuddin Isa; Maizura Ismail

KUALA LUMPUR: Rundingan di antara Kementerian Sumber Manusia, pengurusan Airport Limo (M) Sdn Bhd (ALM), Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan pemandu teksi terbabit semalam, mencapai kata sepakat untuk menyelesaikan mogok yang berlarutan sejak tiga hari lalu.

Rundingan itu memutuskan agar kira-kira 700 pemandu teksi yang terbabit dalam mogok tiga hari di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA), di sini sejak Khamis lalu harus kembali bertugas secepat mungkin.

Pihak pengurusan ALM yang diwakili pemiliknya, Datuk Abdul Latiff Mirasa dan Pengarah Urusannya, Badardin Ahmad bersetuju menyelesaikan beberapa masalah dan membetulkan kelemahan.

Persetujuan itu meliputi pemberian wang pendahuluan RM100, mewujudkan jawatankuasa bersama untuk menyelesaikan masalah berbangkit, menubuhkan kaunter aduan bebas, membaiki sistem bengkel bagi membolehkan pemandu beroperasi dengan segera dan memberi jaminan pemandu yang mogok tidak akan diberhentikan.

Pertikaian pengurusan Airport Limo semakin meruncing apabila enam eksekutif syarikat itu meletak jawatan, kelmarin.

Mereka termasuk dua pengurus kanan dan seorang pengurus yang turut membuat laporan polis mendakwa pengurusan syarikat tidak profesional dan mendakwa berlaku penyelewengan.

Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan, Jabatan Perhubungan Perusahaan Kementerian Sumber Manusia, Datuk Ismail Abdul Rahim, berkata pihak pengurusan ALM bersetuju meminta pemandu kembali bertugas dan diberi jaminan tidak akan ditindas atau dikenakan sebarang tindakan termasuk diberhentikan.

Beliau berkata, ALM bersetuju menubuhkan jawatankuasa bersama yang dianggotai wakil majikan dan kesatuan untuk menerima dan membincangkan perkara berbangkit yang selama ini diabaikan untuk diselesaikan.

"Isu pokok yang perlu ditangani sekarang ialah untuk memulihkan pekerjaan pemandu teksi selepas mogok," katanya.

Masalah itu, katanya memang agak rumit dan sukar diselesaikan. Isu kemanusiaan harus ditangani secara kemanusiaan. Bagaimanapun, jika diteruskan mogok, pihaknya tidak dapat tolong.

Ketika mengulas kemelut itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan bersimpati dengan masalah yang dihadapi pemandu teksi Airport Limo Sdn Bhd, tetapi tindakan mereka melancarkan mogok boleh menjejaskan imej negara dan KLIA.

"Bukan saya tak simpati, tapi itu bukan caranya. Bila buat macam itu, anda rosakkan semua yang lain, rosakkan imej negara, rosak imej KLIA, rosak semua," kata Perdana Menteri.

Sambil menyifatkan mogok itu sebagai tindakan yang sangat buruk, beliau berkata, ia bukannya cara menyelesaikan masalah di antara pemandu dengan pengurusan syarikat limousin yang beroperasi di KLIA.

"Ia hanya untuk menunjukkan siapa yang boleh membawa lebih banyak kerosakan, saya (majikan) atau anda (pekerja)," katanya pada sidang akhbar selepas melawat Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi di Wisma Tanah, di Jalan Semarak di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, perbuatan mogok itu ternyata tidak adil terutama kepada pelancong asing yang memerlukan perkhidmatan teksi.

"Kita tak boleh menghukum orang lain kerana kita berkelahi dengan orang lain. Anda berkelahi dengan majikan dan anda pula hukum pelancong, ini

tidak adillah." katanya.

(END)